



# KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2026

## BAHASA MELAYU

**1103/3**

### Kertas 3

Masa : Individu : 3 – 5 minit

Kumpulan : 12 – 15 minit

---

---

#### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A perlu dijawab secara **individu** dan Bahagian B dijawab secara perbincangan dalam **kumpulan** yang merangkumi 3 – 5 orang calon.*
3. *Masa yang diperuntukkan untuk menjawab Bahagian A ialah 3 hingga 5 minit, manakala masa yang diperuntukkan untuk menjawab Bahagian B ialah 12 hingga 15 minit.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

**Bahagian A: Taksiran Individu**

[40 markah]

[Masa: 3 hingga 5 minit]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**TEMA: DUNIA PELANCONGAN****Arkeopelancongan di Malaysia**

Sumber: <https://www.facebook.com/bujangvalley/>

LEMBAH BUJANG, KEDAH



Sumber: <https://www.libur.com.my/lembah-lenggong-taman-negara-gunung-mulu-tapak-warisan-dunia-yang-dipinggirkan-2/>

LENGGONG, PERAK



Sumber: <http://senoipai.blogspot.com/2012/01/gua-cha-kelantan.html>

GUA CHA, KELANTAN



Arkeopelancongan merupakan usaha pengekalan dan pemuliharaan tapak warisan arkeologi untuk dibangunkan bagi dijadikan sebagai suatu destinasi pelancongan yang menarik. Pada dasarnya, konsep arkeopelancongan lebih menjurus kepada aktiviti pembangunan pelancongan di kawasan sekitar tapak warisan sejarah negara atau tempatan. Realitinya, arkeopelancongan menjanjikan kepuasan minda dalam penghayatan warisan atau nostalgia silam. Perkembangan terkini menunjukkan arkeopelancongan sangat berpotensi untuk berkembang di Malaysia. Menurut Dato' Dr. Zainah Ibrahim selaku Ketua Pengarah merangkap Pesuruhjaya Warisan, Jabatan Warisan Negara, mengatakan bahawa terdapat sebanyak 965 tapak arkeologi direkodkan di seluruh Malaysia merangkumi 822 tapak arkeologi darat dan 143 bawah air dan sebanyak 13 tapak telah diwartakan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan dan 9 diwartakan sebagai Tapak Warisan di bawah peruntukan Akta 645. Dato' Dr. Zainah Ibrahim pula menyeru semua agar sama-sama berganding bahu dalam meneruskan agenda pemuliharaan dan pemeliharaan warisan negara dan terus melaporkan kepada pihak berkuasa jika berdepan dengan sebarang aktiviti penjarahan terhadap warisan. Antara tapak arkeologi di negara ini ialah Gua Niah (Sarawak), Gua Mulu (Sarawak), Gua Cha (Kelantan), Gua Peraling (Kelantan), Kota Gelanggi (Pahang), Gunung Senyum (Pahang), Gua Bewah (Terengganu), Gua Taat (Terengganu), Kota Johor Lama (Johor), Gua Madai (Sabah), Kuala Selinsing (Perak) dan beberapa buah tapak lagi. Realitinya, jumpaan di tapak warisan arkeologi bukan hanya memantapkan pensejarahan negara tetapi juga turut menyumbang kepada data arkeologi negara.

Sumber: <https://news.usm.my>

**Bahagian B: Taksiran Kumpulan**

[30 markah]

[Masa: 12 *hingga* 15 *minit*]

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.*

**TEMA: DALAM LIPATAN KENANGAN**

Warisan sejarah harus dikekalkan dan dapat dijadikan bahan pengajaran kepada generasi akan datang. Oleh itu, usaha pengekalan warisan sejarah boleh dilakukan dengan memelihara dan memulihara bahan-bahan atau perkara yang berkaitan sejarah melalui kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan yang bersejarah seperti Fort Cornwallis di Pulau Pinang, A Famosa dan Dutch Square di Melaka.

Bincangkan.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**



**KERTAS MODEL**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2026**  
**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 4**  
30 minit

**1103/4**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat petikan.*
2. *Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

## UJIAN MENDENGAR

[30 markah]

## PETIKAN PERTAMA: PETIKAN CERPEN

[6 markah]

**Arahan:**

Dengar petikan cerpen ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan cerpen akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberikan masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat yang berikut dengan teliti.

**Petikan yang sama diperdengarkan.**

Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan yang berikut berdasarkan petikan cerpen yang diperdengarkan.

- 1 Berdasarkan petikan cerpen, bagaimanakah keadaan Ahmad Mutawakkil ketika jatuh melutut dan wajahnya tersembam di ribaan Imam Ngah Deraman?

---

---

[2 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 2**.

- 2 Bilakah keluarga Orang Putih yang diketuai oleh Tuan Booth datang merubah keadaan penduduk kampung?  
A Pertengahan tahun 20-an  
B Pertengahan tahun 30-an  
C Pertengahan tahun 40-an  
D Pertengahan tahun 50-an

[1 markah]

- 3 Keadaan kampung telah berubah setelah kedatangan Tuan Booth dan keluarga serta 15 keluarga buruh estet India. Nyatakan perubahan tersebut.

---

---

[2 markah]

- 4 Mengapakah penduduk kampung berasa selesa dengan kehadiran Tuan Booth?

---

---

[1 markah]

## PETIKAN KEDUA: PETIKAN UMUM

[8 markah]

**Arahan:**

Dengar petikan umum ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan umum akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberikan masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua)
4. Dengar maklumat yang berikut dengan teliti.

**Petikan yang sama diperdengarkan.**

Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan yang berikut berdasarkan petikan umum yang diperdengarkan.

Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 1**.

- 1 Berdasarkan petikan, apakah tujuan perbuatan buli?  
A Menimbulkan rasa tidak selesa, aman dan tenteram  
B Menimbulkan rasa tidak selesa dan tenteram  
C Menimbulkan rasa selesa, aman dan tenteram  
D Menimbulkan rasa kurang selesa, aman dan tenteram

[1 markah]

- 2 Nyatakan **dua** jenis perbuatan buli yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat di negara ini.

---

---

[2 markah]

- 3 Senaraikan **tiga** tindakan buli fizikal yang sering dilakukan oleh pembuli kepada mangsa buli.

---

---

---

[2 markah]

- 4 Perbuatan menghina, mengejek dan mengusik tergolong dalam perbuatan buli psikologi atau mental yang boleh mengganggu \_\_\_\_\_.

[2 markah]

- 5 Statistik kes buli yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan menunjukkan kira-kira 14 ribu kes di sekolah seluruh negara dari tahun 2012 hingga 2015 dan sebahagiannya melibatkan \_\_\_\_\_.

[1 markah]

[Lihat halaman sebelah

## PETIKAN KETIGA: PETIKAN WAWANCARA

[8 markah]

**Arahan:**

Dengar petikan wawancara ini dengan teliti. Kemudian jawab, soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan wawancara akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberikan masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat yang berikut dengan teliti.

**Petikan yang sama diperdengarkan.**

Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan yang berikut berdasarkan petikan wawancara diperdengarkan.

- 1 Mengapakah Encik Muiz meminati bidang penulisan skrip drama?

---

---

[2 markah]

- 2 Apakah yang dimaksudkan dengan skrip drama?

---

---

[2 markah]

- 3 Nyatakan perbezaan antara skrip drama, novel dan cerpen.

---

---

[2 markah]

- 4 Penulisan skrip drama yang baik ialah skrip yang boleh menimbulkan unsur dramatik dalam sesebuah karya.

Senaraikan **empat** contoh unsur dramatik tersebut.

---

---

---

---

[2 markah]

## PETIKAN KEEMPAT: PETIKAN BERITA

[8 markah]

**Arahan:**

Dengar petikan berita ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan berita akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberikan masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua)
4. Dengar maklumat yang berikut dengan teliti.

**Petikan yang sama diperdengarkan.**

Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan yang berikut berdasarkan petikan berita yang diperdengarkan.

Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 1**.

- 1 Pernyataan di bawah adalah benar tentang Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2023 **KECUALI**
  - A Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2023 merupakan edisi yang ke-16.
  - B Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2023 melibatkan 525 pempamer mewakili 140 syarikat dari seluruh dunia pada tahun 2019.
  - C Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2023 melibatkan 525 pempamer mewakili 140 syarikat dari seluruh dunia pada tahun ini.
  - D Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2023 segmen maritim diadakan di Resort World Langkawi (RWL).

[1 markah]

- 2 Penganjuran Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2023 (LIMA '23) membabitkan dua kementerian.

Nyatakan **dua** kementerian tersebut.

---



---

[2 markah]

- 3 Mengapakah Kementerian Pertahanan menjadikan Langkawi sebagai lokasi yang terbaik bagi penganjuran Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi?

---



---



---

[1 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 4 Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2023 ini telah diwujudkan sejak tahun 1991 dan mempunyai tujuan yang tertentu.

Nyatakan tujuan tersebut.

---

---

---

[2 markah]

- 5 Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2023 telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada beberapa buah negara di seluruh dunia.

Senaraikan **lima** negara yang terkenal dengan pertunjukan udara.

---

---

---

---

---

[2 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**